

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RGE 451 - Amalan Profesional

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 bahagian - BAHAGIAN A, B, C dan D. Jawab EMPAT soalan sahaja; SATU soalan dari tiap-tiap Bahagian.

Asingkan semua jawapan bagi tiap-tiap bahagian.

BAHAGIAN A (jawab SATU soalan sahaja)

1. (a) Apakah yang anda faham dengan perkataan professionalisma pada amnya?
(30 markah)

- (b) Mengapakah dan melalui mekanisma apakah profesion Seni Bina diatur dan dikawal di Malaysia?
(70 markah)

...2/-

2. Andaikan anda ialah seorang Pengurus Projek di dalam sebuah Syarikat Pemaju Perumahan tempatan. Anda telah diminta memberi taklimat kepada Lembaga Pengarah tentang syarat-syarat perlantikan untuk perunding-perunding berikut:

- (i) Arkitek
- (ii) Jurutera Awam dan Struktur
- (iii) Jurukur Bahan

Sediakan nota-nota untuk taklimat tersebut yang merangkumi juga perbandingan di antara syarat-syarat perlantikan dan bagaimana perunding profesional akan dibayar yurannya sepanjang sesuatu projek pembangunan.

(100 markah)

BAHAGIAN B (Jawab SATU soalan sahaja)

3. Apakah peranan dan fungsi seseorang pegawai perancangan di dalam kerajaan tempatan? Huraikan dengan merujuk kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan yang anda ketahui.

(100 markah)

4. Secara ringkas, huraikan perkara-perkara utama di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976. Bagaimanakah Akta ini mempengaruhi seseorang pegawai perancangan pembangunan bandar?

(100 markah)

5. Jelaskan peringkat-peringkat perancangan di Malaysia dan penyertaan profesional pada tiap-tiap peringkat tersebut.

(100 markah)

BAHAGIAN C (jawab SATU soalan sahaja)

6. Sebuah firma pemaju ingin melantik perunding jurukur bahan untuk suatu sekim perumahan yang besar.

Terangkan dengan memberi sebab-sebab;

- (i) Tahap perkhidmatan perunding jurukur bahan yang dikehendaki.
- (ii) Kriteria untuk memilih firma perunding jurukur bahan yang sesuai.

(100 markah)

7. Terangkan maksud Kecuaian Profesional . Bagaimanakah sesuatu pihak dapat mengambil tindakan undang-undang atas kecuaiannya seseorang perunding? Apakah cara penyelesaiannya? Berikan contoh.

(100 markah)

BAHAGIAN D (jawab SATU soalan sahaja)

8. Mengikut saranan Perdana Menteri, anda telah mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan sendiri. Huraikan tindakan-tindakan profesional yang perlu untuk mendapat pinjaman bank sebagai bantuan memulakan syarikat tersebut.

(100 markah)

...4/-

9. Nyatakan pandangan Kerajaan Malaysia terhadap Jurutera-jurutera berkaitan dengan amalan profesional dan tanggungjawabnya.

(100 markah)